

**KAEDAH SINTESIS
DAKWAH DAN TARBIAH DALAM
PENGAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN
PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH MENENGAH
BERASASKAN KITAB *AL-RASUL AL-MU'ALLIM*
*WA ASALIBUHU FI AL-TA'LIM***

NUR MUNIRAH BINTI MUHD FADZIR

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2020

**KAEDAH SINTESIS
DAKWAH DAN TARBIAH DALAM
PENGAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN
PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH MENENGAH
BERASASKAN KITAB *AL-RASUL AL-MU'ALLIM*
*WA ASALIBUHU FI AL-TA'LIM***

oleh

NUR MUNIRAH BINTI MUHD FADZIR

Tesis yang diserahkan
untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera

November 2020

PENGHARGAAN

“Dengan nama Allah SWT Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani”

Alhamdulillah, segulung kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana telah mengurniakan kekuatan, kesihatan, kelapangan waktu, kesungguhan dan keazaman kepada pengkaji sehinggalah berjaya menyiapkan disertasi ini. Semoga usaha ini dipandang Allah SWT sebagai satu ibadah dalam rangka menggapai redha Allah SWT.

Pertama sekali, pengkaji mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Bahagian Biasiswa dan Pembiayaan (BBP), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) kerana menaja dan memberi peluang kepada pengkaji di bawah Skim Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) untuk menyambung pengajian ke peringkat Sarjana ini.

Seterusnya, pengkaji berbesar hati merakamkan penghargaan ikhlas kepada Dr. Suhaila Abdullah selaku penyelia utama. Segala bimbingan, tunjuk ajar, dorongan dan sokongan moral yang tidak berbelah bahagi sepanjang tempoh penyelidikan dan penulisan disertasi peringkat Sarjana ini. Hanya Allah SWT juga sebaik-baik pembalas ganjaran di dunia dan di akhirat buat pengorbanan dan sumbang baktinya.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada Dr. Khairani binti Zakariya@Abd Hamid dan Dr. Ahmad Sukari bin Muhamad selaku Pensyarah Pendidikan Islam di Institut Pendidikan Guru Tuanku Bainun, Pulau Pinang di atas kesudian mengesahkan data-data bagi kajian ini.

Sekalung penghargaan teristimewa buat suami tercinta Mohd Syakir bin Mohd Rosdi yang sangat memahami, banyak berkorban masa dan tenaga serta permata hati Nur ‘Izzatul Huda, Amrullah Wijdan, Amrullah Wafiy, Amrullah Wazir dan Amrullah Fahim, bonda Zainab binti Lebai Eban, ayahanda Muhd Fadzir bin Zakaria serta seluruh keluarga pengkaji dan mertua di atas berkat doa, dorongan dan sokongan kalian, maka disertasi ini berjaya disiapkan. Jasa dan pengorbanan kalian tidak mampu dibalas dengan nilaiang wang ringgit.

Akhir kata, semoga Allah SWT membalas jasa dan kebaikan semua individu yang terlibat dalam proses penghasilan disertasi ini.

Nur Munirah binti Muhd Fadzir
Falsafah dan Tamadun
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
SENARAI KANDUNGAN.....	iv
SENARAI JADUAL.....	x
SENARAI RAJAH.....	xii
SENARAI SINGKATAN.....	xiii
ABSTRAK.....	xv
ABSTRACT.....	xvii
BAB 1 PENGENALAN.....	1
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	1
1.3 Pernyataan Masalah.....	3
1.4 Objektif Kajian.....	13
1.5 Persoalan Kajian.....	14
1.6 Definisi Operasional.....	15
1.6.1 Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc).....	15
1.6.2 Sintesis.....	17
1.6.3 Dakwah.....	17
1.6.4 Tarbiah.....	18
1.7 Skop dan Batasan Kajian.....	19
1.8 Kepentingan Kajian.....	22
1.9 Organisasi Disertasi.....	23
1.10 Kesimpulan.....	25

BAB 2 KAJIAN LEPAS DAN SOROTAN KARYA.....	25
2.1 Pengenalan.....	26
2.2 Kajian-kajian Lepas dan Sorotan-sorotan Karya.....	26
2.2.1 PdPc Pendidikan Islam Abad 21.....	26
2.2.2 Kaedah Dakwah dan Tarbiah dalam PdPc Pendidikan Islam.....	41
2.2.3 Kajian berdasarkan Kitab <i>al-Rasul al-Mu'allim wa Asalibuhu fi al-Ta'lim</i>	57
2.3 Analisis Kajian-kajian Lepas dan Sorotan-sorotan Kajian.....	59
2.4 Kerangka Konseptual Kajian.....	62
2.5 Kesimpulan.....	65
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN.....	66
3.1 Pengenalan.....	66
3.2 Reka Bentuk Kajian.....	66
3.2.1 Reka Bentuk Kajian Kualitatif Asas (<i>Basic</i>).....	68
3.2.2 Jenis Kajian: Kajian Deskriptif.....	69
3.3 Kaedah Pengumpulan Data.....	70
3.3.1 Sumber Data.....	72
3.3.1(a) Sumber Data Utama PdPc Pendidikan Islam Abad 21.....	73
3.3.1(b) Sumber Data Utama Kaedah Dakwah dan Tarbiah dalam PdPc Pendidikan Islam.....	73
3.3.1(c) Sumber Data Utama Kajian berdasarkan Kitab <i>al-Rasul al-Mu'allim wa Asalibuhu fi al-Ta'lim</i>	74
3.3.2 Kesahan dan Kebolehpercayaan Data.....	75
3.4 Kaedah Penganalisisan Data.....	78
3.5 Carta Alir Pelaksanaan Kajian.....	82
3.6 Kesimpulan.....	84

Bab 4 KAEDEAH SINTESIS DAKWAH DAN TARBIAH DALAM PDPC	
PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH MENENGAH.....	85
4.1 Pengenalan.....	85
4.2 Kaedah Sintesis Dakwah dan Tarbiah dalam PdPc Pendidikan Islam Sekolah Menengah.....	86
4.2.1 Kaedah Dakwah dalam PdPc Pendidikan Islam Sekolah Menengah.	86
4.2.1(a) <i>Bi al-hikmah</i>	87
4.2.1(b) <i>Mau 'izah al-hasannah</i>	89
4.2.1(c) <i>Mujadala bi al-lati hiya ahsan</i>	90
4.2.2 Kaedah Tarbiah dalam PdPc Pendidikan Islam Sekolah Menengah..	91
4.2.2(a) <i>Tadris</i> (Mengajar).....	93
4.2.2(b) <i>Ta 'alim</i> (Mengenal dan Mengetahui).....	93
4.2.2(c) <i>Ta 'adib</i> (Melatih).....	95
4.2.2(d) <i>Tarbiah</i> (Mendidik dan Mengasuh).....	96
4.2.3 Pelaksanaan Kaedah Sintesis Dakwah dan Tarbiah dalam PdPc Pendidikan Islam Sekolah Menengah.....	97
4.2.4 Kaedah Sintesis Dakwah dan Tarbiah dalam PdPc Pendidikan Islam Sekolah Menengah.....	100
4.2.5 Rumusan Kaedah Sintesis Dakwah dan Tarbiah dalam PdPc Pendidikan Islam Sekolah Menengah.....	109
4.2.5(a) Kaedah <i>Qalbu</i> (Hati ke Hati).....	109
4.2.5(b) Kaedah <i>Tikrar</i> (Ulangan).....	112
4.2.5(c) Kaedah <i>Targhib wa Tarhib</i> (Peringatan dan Ancaman)...	113
4.2.5(d) Kaedah <i>Sulhu</i> (Perdamaian).....	114
4.2.5(e) Kaedah <i>Tasamuh</i> (Toleransi).....	115
4.3 Kesimpulan.....	116

**BAB 5 ANALISIS DAN RUMUSAN KAJIAN KAEDEH SINTESIS DAKWAH
DAN TARBIAH DALAM PDPC PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH
MENENGAH BERASASKAN KITAB *AL-RASUL AL-MU'ALLIM WA
ASALIBUHU FI AL-TA'LIM*.....118**

5.1	Pengenalan.....	118
5.2	Analisis Kaedah Sintesis Dakwah dan Tarbiah dalam PdPc Pendidikan Islam Sekolah Menengah berdasarkan Kitab <i>al-Rasul al-Mu'allim wa Asalibuhu fi al-Ta'lum</i>	119
5.2.1	Analisis Kaedah <i>Qalbu</i> dalam Kitab <i>al-Rasul al-Mu'allim wa Asalibuhu fi al-Ta'lum</i>	121
5.2.1(a)	Kaedah Teladan Baik.....	151
5.2.1(b)	Kaedah Secara Bertahap.....	153
5.2.1(c)	Kaedah Memerhatikan Situasi, Keadaan, Masa dan Kemampuan Para Sahabat.....	153
5.2.1(d)	Kaedah Gambaran dan Isyarat.....	155
5.2.1(e)	Kaedah Gurauan.....	156
5.2.1(f)	Kaedah Sentuhan.....	157
5.2.1(g)	Kaedah Penjelasan.....	158
5.2.1(h)	Kaedah Nasihat dan Kata-kata Halus.....	159
5.2.1(i)	Kaedah Penceritaan dan Perumpamaan.....	160
5.2.1(j)	Kaedah Dialog dan Soal Jawab.....	162
5.2.1(k)	Kaedah Pemikiran Rasional.....	164
5.2.2	Analisis Kaedah <i>Tikrar</i> dalam Kitab <i>al-Rasul al-Mu'allim wa Asalibuhu fi al-Ta'lum</i>	165
5.2.2(a)	Kaedah Teladan Baik.....	181
5.2.2(b)	Kaedah Memerhatikan Situasi, Keadaan, Masa dan Kemampuan Para Sahabat.....	182
5.2.2(c)	Kaedah Pemikiran Rasional.....	182
5.2.2(d)	Kaedah Dialog dan Soal Jawab.....	183

5.2.2(e) Kaedah Penegasan (Sumpahan).....	183
5.2.2(f) Kaedah Penjelasan.....	183
5.2.3 Analisis Kaedah <i>Targib wa Tarhib</i> dalam Kitab <i>al-Rasul al-Mu'allim wa Aslibuhu fi al-Ta'lim</i>	184
5.2.3(a) Kaedah Teladan Baik.....	196
5.2.3(b) Kaedah Memerhatikan Situasi, Keadaan, Masa dan Kemampuan Para Sahabat.....	197
5.2.3(c) Kaedah Dialog dan Soal Jawab.....	197
5.2.3(d) Kaedah Penceritaan dan Perumpamaan.....	198
5.2.3(e) Kaedah Gambaran dan Isyarat.....	199
5.2.3(f) Kaedah Penegasan (Bersumpah).....	200
5.2.4 Analisis Kaedah <i>Sulhu</i> dalam Kitab <i>al-Rasul al-Mu'allim wa Aslibuhu fi al-Ta'lim</i>	200
5.2.4(a) Kaedah Secara Bertahap.....	211
5.2.4(b) Kaedah Memerhatikan Situasi, Keadaan, Masa dan Kemampuan Para Sahabat.....	212
5.2.4(c) Kaedah Penceritaan dan Perumpamaan.....	212
5.2.4(d) Kaedah Gambaran dan Isyarat.....	213
5.2.4(e) Kaedah Penjelasan.....	214
5.2.4(f) Kaedah Dialog dan Soal Jawab.....	214
5.2.4(g) Kaedah Pengukuhan Diam).....	215
5.2.4(h) Kaedah Penegasan (Marah).....	216
5.2.4(i) Kaedah Pembelajaran Bahasa Asing.....	217
5.2.5 Analisis Kaedah <i>Tasamuh</i> dalam Kitab <i>al-Rasul al-Mu'allim wa Aslibuhu fi al-Ta'lim</i>	217
5.2.5(a) Kaedah Secara Bertahap.....	230

5.2.5(b)	Kaedah Memerhatikan Situasi, Keadaan, Masa dan Kemampuan Para Sahabat.....	230
5.2.5(c)	Kaedah Dialog dan Soal Jawab.....	232
5.2.5(d)	Kaedah Penceritaan dan Perumpamaan.....	232
5.2.5(e)	Kaedah Gambaran dan Isyarat.....	233
5.2.5(f)	Kaedah Penjelasan.....	234
5.2.5(g)	Kaedah Nasihat dan Kata-Kata Halus.....	235
5.3	Rumusan Kaedah Sintesis Dakwah dan Tarbiah dalam PdPc Pendidikan Islam Sekolah Menengah berdasarkan Kitab <i>al-Rasul al-Mu'allim wa Asalibuhu fi al-Ta'lim</i>	235
5.4	Kesimpulan.....	241
BAB 6 PENUTUP.....		243
6.1	Pengenalan.....	243
6.2	Rumusan Hasil Penemuan Kajian.....	243
6.3	Implikasi Kajian.....	247
6.4	Cadangan Kajian Masa Hadapan.....	247
6.5	Kesimpulan.....	248
BIBLIOGRAFI.....		249
LAMPIRAN.....		272

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1 Statistik Salah Laku Disiplin Murid 2017.....	4
Jadual 1.2 Ringkasan Objektif dan Persoalan Kajian.....	14
Jadual 3.1 Justifikasi Pemilihan Pakar untuk Pengesahan Data.....	76
Jadual 3.2 Hubungan Objektif, Persoalan, Reka Bentuk Kajian, Kaedah Pengumpulan Data dan Kaedah Penganalisisan Data.....	79
Jadual 5.1 Analisis Kaedah <i>Qalbu</i> dalam Kitab <i>al-Rasul al-Mu'allim wa Asalibuhu fi al-Ta'lim</i>	121
Jadual 5.2 Analisis Kaedah <i>Tikrar</i> dalam Kitab <i>al-Rasul al-Mu'allim wa Asalibuhu fi al-Ta'lim</i>	166
Jadual 5.3 Analisis Kaedah <i>Targhib wa Tarhib</i> dalam Kitab <i>al-Rasul al-Mu'allim wa Asalibuhu fi al-Ta'lim</i>	185
Jadual 5.4 Analisis Kaedah <i>Sulhu</i> dalam Kitab <i>al-Rasul al-Mu'allim wa Asalibuhu fi al-Ta'lim</i>	201
Jadual 5.5 Analisis Kaedah <i>Tasamuh</i> dalam Kitab <i>al-Rasul al-Mu'allim wa Asalibuhu fi al-Ta'lim</i>	218
Jadual 5.6 Rumusan Keselarian Kaedah Pendidikan dalam Kitab <i>al-Rasul al-Mu'allim wa Asalibuhu fi al-Ta'lim</i> dengan Kaedah Sintesis Dakwah dan Tarbiah dalam PdPc Pendidikan Islam Sekolah Menengah.....	236
Jadual 5.7 Rumusan Konsep Kaedah Sintesis Dakwah dan Tarbiah dalam PdPc Pendidikan Islam Sekolah Menengah berdasarkan Kitab <i>al-Rasul al-Mu'allim wa Asalibuhu fi al-Ta'lim</i>	238

Jadual 6.1 Jadual Hasil Penemuan dan Rumusan Kajian Kaedah Sintesis Dakwah dan Tarbiah dalam PdPc Pendidikan Islam Sekolah Menengah berdasarkan Kitab <i>al-Rasul al-Mu'allim wa Asalibuhu fi al-Ta'lim</i>	244
---	-----

SENARAI RAJAH

Halaman

Rajah 2.1	Kerangka Konseptual Kajian.....	63
Rajah 3.1	Carta Alir Analisis Kajian Kaedah Sintesis Dakwah dan Tarbiah dalam PdPc Pendidikan Islam Sekolah Menengah berdasarkan Kitab <i>al-Rasul al-Mu'allim wa Asalibuhu fi al-Ta'lim</i>	83
Rajah 4.1	Kaedah Dakwah dalam PdPc Pendidikan Islam Sekolah Menengah.....	87
Rajah 4.2	Kaedah Tarbiah dalam PdPc Pendidikan Islam Sekolah Menengah.....	92
Rajah 4.3	Pelaksanaan PdPc Pendidikan Islam Sekolah Menengah.....	98
Rajah 4.4	Kaedah Sintesis Dakwah dan Tarbiah dalam PdPc Pendidikan Islam Sekolah Menengah.....	101

SENARAI SINGKATAN

BBM	Bahan Bantu Mengajar
FPI	Falsafah Pendidikan Islam
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
Frog-VLE	<i>Frog-Virtual Learning Environment</i>
GCPI	Guru Cemerlang Pendidikan Islam
GPI	Guru Pendidikan Islam
ICT	<i>Information and Communication Technology</i>
JAIP	Jabatan Agama Islam Pahang
JHEOA	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Pahang
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KUIS	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
ODOJ	<i>One Day One Juz</i>
OKU	Orang Kelainan Upaya
PAK21	Pembelajaran Abad ke-21
PBM	Pembelajaran Berasaskan Masalah
PBM	Permainan Bahasa Multimedia
PBP	Pembelajaran Berasaskan Projek
PDPC	Pengajaran dan Pemudahcaraan
PERKIM	Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia
PETAMA	Pembangunan Tamadun Masyarakat Asli
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia

PTK	Pembelajaran Terarah Kendiri
SKPMG ²	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
STEM	Pusat Sains Teknologi dan Kejuruteraan Matematik
TN50	Transformasi Nasional 2050
YADIM	Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia

**KAEDAH SINTESIS DAKWAH DAN TARBIAH DALAM PENGAJARAN
DAN PEMUDAHCARAAN PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH MENENGAH
BERASASKAN KITAB *AL-RASUL AL-MU'ALLIM WA ASALIBUHU FI
AL-TA'LIM***

ABSTRAK

Disertasi ini untuk menganalisis kaedah sintesis dakwah dan tarbiah dalam PdPc Pendidikan Islam Sekolah Menengah. Kajian ini dilakukan kerana terdapat perbezaan dan kekeliruan antara penggunaan kaedah dakwah dan tarbiah dalam PdPc Pendidikan Islam di sekolah menengah yang menyebabkan guru tidak memahami kaedah didikan yang tepat dan berkesan terhadap murid. Pengkaji menumpukan kepada kajian kitab iaitu Kitab *al-Rasul al-Mu'allim wa Asalibuhu fi al-Ta'lism* kerana dilihat lebih tersusun dari sudut pertemanya yang juga disertakan dengan hadis-hadis Rasulullah SAW. Disebabkan kajian ini menumpukan kepada kajian kitab, maka kajian ini lebih sesuai untuk mengumpulkan data-data sekunder. Terdapat tiga objektif utama dalam kajian ini. Pertama, mengenal pasti kaedah sintesis dakwah dan tarbiah dalam PdPc Pendidikan Islam Sekolah Menengah yang dicapai dengan kaedah kajian dokumen. Hasilnya ditemukan tiga kaedah dakwah dan empat kaedah tarbiah. Seterusnya, data-data ini dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan untuk mencapai objektif kedua. Objektif kedua kajian ini ialah menganalisis kaedah sintesis dakwah dan tarbiah dalam PdPc Pendidikan Islam Sekolah Menengah berasaskan Kitab *al-Rasul al-Mu'allim wa Asalibuhu fi al-Ta'lism*. Objektif ketiga ialah merumuskan konsep PdPc Pendidikan Islam Sekolah Menengah berasaskan kaedah sintesis dakwah dan tarbiah daripada Kitab *al-Rasul*

al-Mu'allim wa Asalibuhu fi al-Ta'lim. Analisis ini terhasil daripada tiga fasa. Fasa pertama, analisis ini menemukan lima kaedah sintesis dakwah dan tarbiah dalam PdPc Pendidikan Islam Sekolah Menengah iaitu kaedah *qalbu*, *tikrar*, *targhib wa tarhib*, *sulhu* dan *tasamuh*. Fasa kedua, ditemukan 15 kaedah pendidikan berdasarkan hadis di dalam kitab tersebut. Fasa ketiga, analisis dilakukan daripada hubungan di antara kedua-dua fasa tersebut yang menemukan 31 ciri-ciri keselarian kaedah pendidikan dalam kitab dengan kaedah sintesis dakwah dan tarbiah dalam PdPc Pendidikan Islam Sekolah Menengah yang dapat merumuskan konsep kaedah sintesis dakwah dan tarbiah dalam PdPc Pendidikan Islam Sekolah Menengah berasaskan kitab tersebut sebagai mencapai objektif ketiga kajian ini.

**SYNTHESIS METHOD OF PREACHING AND EDUCATING IN
SECONDARY SCHOOLS OF TEACHING AND LEARNING (TnL)
ISLAMIC EDUCATION BASED ON KITAB AL-RASUL AL-MU'ALLIM WA
*ASALIBUHU FI AL-TA'LIM***

ABSTRACT

This dissertation intended to analyse the preaching (*dakwah*) and education (*tarbiah*) synthesis methods in Secondary School Islamic Education TnL. This was an interesting issue due to differences and confusion in the use of preaching and education methods in Secondary School Islamic Education TnL. Teachers failed to completely understand the correct and effective teaching methods due to this confusion. Hence, of all the scriptures examined regarding education from the Prophet SAW's perspective, the *al-Rasul al-Mu'allim wa Asalibuhu fi al-Ta'lum* scripture was the most appropriate due to its theme. Researchers used this scripture to examine Islamic education because the writer had studied hadith that specifically referred to education according to the Prophet SAW's perspective. Since this study focused on studying scriptures, it was more pertinent to collect only secondary data. This study had three main objectives. First, to identify the preaching and education synthesis methods in Secondary School Islamic Education TnL was achieved by using the document research method. The result found three preaching methods and four education methods. Data were analysed in three phases using the content analysis method to achieve the second objective. Second, to analyse the preaching and education synthesis methods in Secondary School Islamic Education TnL based on the *al-Rasul al-Mu'allim wa Asalibuhu fi al-Ta'lum* scripture. Third, to formulate

a Secondary School Islamic Education TnL concept based on the preaching and education synthesis methods from the *al-Rasul al-Mu'allim wa Asalibuhu fi al-Ta'lim* scripture. In the first phase, the analysis found five preaching and education synthesis methods in Secondary School Islamic Education TnL, namely the *qalbu*, *tikrar*, *targhib wa tarhib*, *sulhu* and *tasamuh* methods. The second phase found 15 teaching methods based on hadith found in the *al-Rasul al-Mu'allim wa Asalibuhu fi al-Ta'lim* scripture. In the third phase, the first and second phases were combined to find some sort of parallelism between the teaching method mentioned in the *al-Rasul al-Mu'allim wa Asalibuhu fi al-Ta'lim* scripture and the preaching and education synthesis methods in Secondary School Islamic Education TnL. The third phase aimed to formulate 31 features preaching and education synthesis methods in the Secondary School Islamic Education TnL concept based on the *al-Rasul al-Mu'allim wa Asalibuhu fi al-Ta'lim* scripture in order to achieve the third objective of this study.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Secara umum, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti kaedah sintesis dakwah dan tarbiah dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Pendidikan Islam Sekolah Menengah. Sintesis di sini bermaksud proses menyatukan pelbagai unsur, elemen, kaedah dan pendekatan daripada kaedah dakwah dan tarbiah untuk membentuk satu kaedah PdPc yang terpadu (Kamus Dewan Edisi Kedua, 2015). Secara khususnya pula, kajian ini dilakukan terhadap sebuah kitab yang bertajuk *al-Rasul al-Mu'allim wa Asalibuhu fi al-Ta'lim* sebagai analisis untuk mendapatkan konsep kaedah sintesis dakwah dan tarbiah yang diguna pakai dalam proses PdPc Pendidikan Islam Sekolah Menengah.

Sebagai bab permulaan, bab ini menumpukan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, definisi operasional, skop dan batasan kajian, kepentingan kajian serta organisasi kajian. Huraian bahagian-bahagian ini penting bagi mendapatkan gambaran awal kajian yang ingin dilakukan ini.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kaedah PdPc Pendidikan Islam bermula sejak zaman Rasulullah SAW lagi. Rasulullah SAW telah memperkenalkan pelbagai kaedah pendidikan sesuai dengan masa, situasi, keadaan dan kemampuan para sahabat. Walaupun Rasullullah SAW

telah wafat, kaedah PdPc tersebut masih diaplikasikan di semua peringkat pendidikan khususnya dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di Malaysia. Cumanya, ada sedikit perbezaan antara PdPc zaman dahulu dan zaman sekarang. Pada zaman awal 60-an, PdPc lebih bersifat tradisional dengan menggunakan pendekatan ala *talaqqi* (guru dengan murid belajar secara berdepan) (Norasikin Fabil, Zawawi Ismail, Zarina Shukur, Siti Fadzillah Mat Noor dan Khairuddin Omar, 2005). Kemudian, ia mengalami transformasi ke arah pendidikan bersifat moden. Kaedah yang digunakan dalam PdPc ialah berpusatkan murid. Antara kaedah yang digunakan ialah berbentuk aktiviti di dalam kumpulan. Murid dapat mengadakan perbincangan bersama rakan-rakan serta dapat bertukar-tukar fikiran antara satu sama lain (Noornajihan Jaafar dan Ab. Halim Tamuri, 2012).

Kini, kaedah-kaedah tersebut ditambahbaik kepada kaedah PdPc yang dinamakan sebagai PdPc Abad 21. PdPc Abad 21 semakin canggih selaras dengan kurikulum yang disediakan. Pelbagai kemudahan disediakan oleh pihak sekolah bagi memudahkan proses PdPc berjalan dengan lancar. Komputer digunakan secara meluas. Murid perlu berupaya untuk menghubungkait mata pelajaran dengan keadaan sekeliling. Guru dan murid juga mempunyai kepakaran dalam teknologi komunikasi semasa. Murid diberi pendedahan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), *frog-VLE* dan peta *i-think* supaya murid boleh berfikir di luar kotak fikiran biasa. *Model Partnership for 21th Century Skills* dijadikan rujukan guru dalam pelaksanaan PdPc Abad 21 di dalam kelas. Model ini menyenaraikan kemahiran-kemahiran yang perlu dikuasai murid iaitu kemahiran pemikiran kritikal, kemahiran komunikasi, refleksi, kemahiran kolaborasi, penyelesaian masalah, teknologi, pentaksiran, kreativiti dan inovasi. Guru dan murid perlu berusaha menguasai

kemahiran-kemahiran tersebut supaya visi, misi dan dasar Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sampai ke segenap lapisan masyarakat.

Bukan itu sahaja, bagi merealisasikan hasrat KPM dalam mengoptimumkan PdPc ini, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM 25 juta untuk generasi pendidikan TN50, termasuklah menubuhkan Pusat Sains Teknologi dan Kejuruteraan Matematik (STEM), mempertingkatkan modul Sains Komputer dan menaiktaraf 2000 kelas menjadi Bilik Darjah Pintar Abad 21 (Utusan Online, 13 November 2017).

Oleh sebab berlakunya perkembangan dalam teknologi semasa di era Revolusi Industri 4.0, pendidikan Abad 21 ini diperkenalkan oleh KPM dengan mengambil pelbagai inisiatif untuk mendapatkan kaedah PdPc yang sesuai. Hasilnya, mereka berjaya menyenaraikan beberapa teknik dan aktiviti PdPc Abad 21 yang telah dilaksanakan di sekolah-sekolah seperti pembentangan hasil sendiri, *hot seat*, *role play*, *round table*, *three stray one tray*, *think pair share*, deklamasi, *gallery walk*, peta *i-think* dan lain-lain lagi.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Daripada latar belakang kajian yang dikemukakan, pengkaji melihat perubahan dalam sistem pendidikan bergerak dengan pantas selaras dengan zaman yang semakin mencabar. Murid dahulu dan sekarang mempunyai perbezaan yang sangat ketara dari segi akademik, sahsiah dan intelektual. Dengan anjakan baru ke arah pendidikan Abad 21 ini, kaedah PdPc Pendidikan Islam juga perlu diselaraskan dengan kaedah PdPc Abad 21 seperti mengamalkan PdPc dengan berbantuan alat

teknologi tinggi atau mengutamakan PdPc *Outdoor* (luar kelas) melebihi daripada PdPc *Indoor* (dalam kelas) bagi membentuk minda murid ke arah minda kelas pertama.

Selain itu, pelbagai kaedah PdPc telah digunakan di sekolah-sekolah terutama di Sekolah Menengah. Tujuannya adalah untuk meningkatkan kualiti sahsiah murid yang terdidik dari skop pendidikan tersebut. Walaupun hasrat itu menjadi tujuan utama PdPc di sekolah, namun isu-isu sahsiah murid masih dibangkitkan. Kes ponteng sekolah, kes buli, kes rokok, kes berunsur jenayah, kes salah laku musnah dan kes filem porno terus wujud. Hal ini dibuktikan melalui statistik seperti dalam Jadual 1.1 berikut:

Jadual 1.1: Statistik Salah Laku Disiplin Murid 2017

Bil.	Salah Laku	Peratus (%)	Jumlah
1	Ponteng Sekolah	1.40	67,053
2	Kurang Sopan	0.29	14,509
3	Tidak Pentingkan Masa	0.28	13,415
4	Kekemasan Diri	0.23	10,946
5	Rokok	0.18	8,514
6	Berunsur Jenayah	0.14	6,917
7	Kenakalan	0.12	5,825
8	Buli	0.06	2,795
9	Berunsur Kelucahan	0.05	2,266
10	Laku Musnah	0.04	1,868

(Sumber: Berita Astro Awani 21 Mac 2018)

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh KPM pada tahun 2017, kes ponteng sekolah mencatatkan peratusan yang paling tinggi berbanding lain-lain kes. Ia meliputi 1.4% bersamaan 67,053 jumlah murid daripada 5 juta murid tahap rendah dan menengah di seluruh negara. Tambahan lagi, terdapat sembilan salah laku lain

yang agak tinggi peratusannya. Hal ini cukup membimbangkan semua pihak terutamanya guru-guru dan KPM dalam menangani masalah tersebut.

Walaupun PdPc Abad 21 telah diperkenalkan sejak tahun 2014 lagi, namun pelbagai masalah disiplin masih berlaku. Persoalannya, adakah PdPc Abad 21 yang diperkenalkan belum cukup berkesan untuk menangani masalah sahsiah dan disiplin murid? Lebih khusus lagi apabila ia berkaitan peranan PdPc Pendidikan Islam yang kebiasaannya menjadikan sahsiah murid sebagai tumpuan. Ia juga mengalami kesan yang sama iaitu sahsiah peribadi murid tidak banyak menampakkan perubahan yang positif hasil dari pembelajaran Pendidikan Islam yang berteraskan PdPc Abad 21.

Berdasarkan satu kajian yang dilakukan oleh Hatifah Yusoff (2000) mendapati bahawa ketidakkeberkesan PdPc Pendidikan Islam bukanlah disebabkan oleh PdPc Abad 21 tetapi sebenarnya bertitik tolak daripada kaedah kuliah atau syarahan secara satu hala yang sering digunakan dalam proses PdPc Pendidikan Islam. Hasil daripada kajian tersebut menunjukkan 80% responden daripada guru-guru Pendidikan Islam menyatakan mereka kerap atau kerap sangat menggunakan kaedah tersebut. Guru-guru ini mengatakan bahawa kaedah ini memudahkan murid memahami isi kandungan mata pelajaran dengan lebih mudah. Namun, realitinya perkara sebaliknya berlaku apabila murid tidak aktif (pasif) di dalam kelas disebabkan PdPc berjalan satu hala. Hal ini menyebabkan murid tidak bersemangat dan mudah mengantuk ketika PdPc berlangsung (Alizah Lambri dan Zamri Mahamod, 2015).

Selain itu, terdapat juga sebahagian guru-guru Pendidikan Islam yang tidak menggunakan langsung bahan bantu mengajar (BBM) di dalam kelas. Mereka hanya

menumpukan kaedah tradisional seperti syarahan, hafalan, perbincangan dan soal jawab ketika PdPc dijalankan (Md Yusoff Daud, Mazalah Ahmad dan Maimun Aqsha Lubis, 2006). Kesan daripada tidak menyediakan BBM sebelum mengajar, guru-guru dilihat mengambil pendekatan mudah dengan menggunakan kaedah tradisional semasa PdPc dilaksanakan iaitu secara berpusatkan guru semata-mata (Khadijah Abdul Razak dan Shahrin Awaludin, 2006).

Ng (2005) dalam kajiannya mendapati bahawa pengajaran guru yang membosankan juga merupakan antara faktor yang menyebabkan berlakunya ponteng sekolah dan masalah disiplin yang lain. Hal ini diperkuatkan lagi dengan kajian oleh Smink dan Reimer (2005) yang menunjukkan PdPc yang kurang merangsang, kerja sekolah yang tidak mencabar dan hubungan yang tidak mesra antara guru dan pelajar merupakan faktor yang berkait rapat dengan jumlah kehadiran pelajar ke sekolah.

Selain itu, pendekatan kurang menarik yang digunakan oleh guru-guru juga memberi kegagalan pengaplikasian PdPc yang berkesan di sekolah. Seterusnya, menjadi penyebab kepada meningkatnya masalah disiplin dalam kalangan murid. Seperti yang dijelaskan dalam kajian Azhar Hamzah (2003) bahawa 51% responden yang dikaji bersetuju bahawa masalah PdPc yang tidak berkesan di sekolah menyumbang kepada masalah ponteng sekolah. Kajian Noraini Zulkifli (2010) bersetuju dengan kajian Azhar Hamzah (2003) dengan menambah bahawa guru perlu tegas ketika aktiviti PdPc berlangsung bagi menjamin kejayaan pelaksanaan satu-satu tugasan. Hasil daripada dapatan-dapatan kajian tersebut menunjukkan terdapat masalah dalam proses PdPc di sekolah. Peningkatan masalah salah laku disiplin di sekolah secara

tidak langsung mempunyai hubungan dengan kelemahan yang wujud dalam proses PdPc.

Bagi menangani masalah pendekatan PdPc untuk memperbaiki masalah sosial pelajar, Mukhammad Abdullah (2018) dalam kajiannya menyatakan bahawa masalah ini boleh diselesaikan dengan melakukan pendekatan dakwah dan tarbiah secara seimbang dalam masyarakat. Hal ini seperti yang dijelaskan oleh Masitah Esa, Amini Amir Abdullah dan Siti Suhaila Ihwani (2017) bahawa Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dalam usaha mendekati golongan masyarakat awam, program dan aktiviti yang dijalankan lebih berkesan bergantung kepada metodologi dakwah dan tarbiah yang diterapkan. Kaedah dakwah melalui konsep tarbiah sangat ditekankan oleh pihak YADIM melalui pelbagai aspek seperti akidah, syariah dan akhlak. Antara aktiviti yang telah dijalankan ialah Muktamar Majlis Amal Islami, Pemantapan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah, Simposium Muamalah Islam, dan Keluarga Sakinah. Hal ini membuktikan dakwah dan tarbiah tidak boleh dipisahkan agar dapat memberi impak yang sangat positif serta mendatangkan sambutan yang amat menggalakkan dari masyarakat.

Selain itu, kajian Yedi Purwanto, Muhamad Taufik dan Asep Wawan Jatnika (t.t) mengatakan bahawa kaedah dakwah dan tarbiah saling berkait rapat dalam proses pendidikan. Hal ini demikian kerana perkataan dakwah memberi erti mengajak dan tarbiah pula bererti mendidik. Hal ini bermaksud pendidikan ialah satu usaha mengajak seseorang ke arah yang lebih baik dan membawa perubahan yang lebih berkesan. Bukan itu sahaja, kajian Mohamad Muslih (2016) juga menyebutkan bahawa dakwah dan tarbiah yang berkesan mampu melahirkan individu Muslim

yang berjaya. Dakwah dan tarbiah dalam konteks sebagai penuntut ilmu berupaya membentuk sahsiah murid, mengembangkan ilmu murid dan menemukan kaedah-kaedah baru dalam bidang keilmuan dalam menghadapi tamadun yang kian membangun.

Dari sini, didapati kaedah dakwah dan tarbiah sangat relevan diaplikasikan di semua sektor terutamanya di sektor Pendidikan Islam. Hal ini demikian kerana Pendidikan Islam berupaya membentuk insan yang mempunyai penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah untuk kesejahteraan dunia dan akhirat. Perkara ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Islam (FPI) seperti berikut:

“Pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah SWT yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat” (Kurikulum Standard Sekolah Rendah Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012).

Jika disoroti pula sirah Rasulullah SAW, pengaplikasian kaedah sintesis dakwah dan tarbiah telah diperkenalkan sejak zaman Rasulullah SAW lagi, namun tidak dibukukan secara khusus mengenainya. Segala tindakan dan perilaku yang Baginda tunjukkan dalam segenap kehidupan sehari-hari menggambarkan sisi dakwah dan tarbiah telah dipraktikkan secara bersama. Terdapat banyak kisah berdasarkan hadis yang sahih dalam menjelaskan perkara ini. Kisah-kisah tersebut membuktikan sintesis dakwah dan tarbiah sangat memberi kesan yang baik dalam melahirkan mukmin yang bertakwa (Jumaah Amin, 1998).

Seperti hadis riwayat Anas bin Malik RA, beliau berkata seperti berikut:

“Seorang Arab Badwi pernah masuk ke dalam masjid, lalu dia telah kencing di salah satu sisi masjid. Kemudian para sahabat yang nampak perlakuan tersebut telah menempik dan mencegah lelaki tersebut, namun Rasulullah SAW dengan penuh bijaksana bersabda, Jangan engkau menghalangnya!” Maka, setelah selesai lelaki tersebut kencing, maka Rasulullah SAW meminta agar tempat yang dikencing disiram dengan air. Lalu, baginda memanggil Arab Badwi tadi dan bersabda padanya, masjid bukan tempat membuang najis malah tempat untuk solat, zikir dan membaca al-Quran” (Riwayat Muslim, No. Hadis 429).

Berdasarkan peristiwa tersebut, Rasulullah SAW telah menghabarkan metod sintesis dakwah dan tarbiah secara tidak langsung. Tarbiah dalam hadis tersebut merujuk kepada sikap Rasulullah SAW dan para sahabat yang membersihkan tempat yang terkena kencing lelaki tadi, manakala dakwah pula merujuk kepada sikap Rasulullah SAW yang memanggil Arab Badwi tersebut dan menjelaskan keadaan sebenar yang sepatutnya dilakukan dan berhikmah dengan mereka (Putri Kasih Handriyani, 2014). Walaupun perbuatan kencing di dalam masjid merupakan suatu kesalahan dan mengotori masjid, tetapi Rasulullah SAW tidak memarahinya untuk mengelakkan kemudharatan. Bahkan baginda berlemah lembut dan menunjukkan contoh yang tepat dalam menghadapi karenah orang jahil (Yazid Abdul Manap, 2015). Kisah tersebut merupakan salah satu bukti yang ditunjukkan Rasulullah SAW dalam mendidik umat manusia.

Oleh sebab pentingnya gabungan tarbiah dan dakwah dalam pendidikan, maka bagaimakah pendekatan yang membolehkan PdPc Pendidikan Islam berasaskan sintesis dakwah dan tarbiah dapat diterapkan kepada para pelajar? Untuk mencari jawapan ini, konsep yang dibina perlu merujuk kepada kajian-kajian dan karya-karya yang berkaitannya. Namun, malangnya kajian-kajian dan karya-karya mengenainya hampir tidak dijumpai. Kalau ada pun PdPc yang dibincangkan secara Islam, ia

terpisah antara dua kaedah iaitu sama ada kaedah dakwah sahaja atau pun kaedah tarbiah sahaja.

Sebagai contoh, antara kajian yang berkaitan dengan dakwah dalam pendidikan ialah mengenai elemen motivasi dakwah pada diri pelajar (Supani Husain, 2003), pendekatan dakwah *bi al-hal* dalam kalangan GPI (Nor Amin Sayani dan Mohd Ismail Mustari, 2012; Nor Raudah Hj Siren, Norhana Mohamed Salleh dan Azrin Ab Majid, t.t), kesesuaian program dakwah kepada pelajar (Ahmad Faisal Mohamed, 2003 dan Hasani Ghazali, 2014), pelaksanaan program dakwah di Sektor Pendidikan Islam (Mohd Zaki Hamid, 2009), dakwah organik dalam pendidikan (Mutohharun Jinan dan M. Ag, 2007), konsep dakwah dalam pendidikan (Muhammad Zaid Syahid, 2009), pendekatan pendidikan dakwah kepada Orang Asli (Ahmad Redzuwan Muhd Yunus, 2010), kesan aktiviti dakwah (Mohamad Rosdi Mahamud, 2009 dan NorAzri Mohd Zaidin, 2015), model dakwah (Sofiah Mohamed, Kamarul Azmi dan Muhammad Azhar, 2016) dan iklim dini di sekolah berdasarkan dakwah (Raihan Mohd Ariffin dan Kamarul Shukri Mat Teh, 2018).

Manakala perbincangan berkaitan dengan kaedah PdPc berdasarkan tarbiah juga tidak banyak yang melakukannya. Jika ada pun mereka menggunakan istilah *ta'adib* dan *ta'alim*. Ketiga-tiga ungkapan tarbiah, *ta'adib* dan *ta'lim* tersebut saling berkait rapat antara satu sama lain dalam menghuraikan tarbiah dalam pendidikan Islam (Mohamad Nasir Budiman, 2016)¹.

¹ Rata-rata pengkaji yang ingin melakukan kajian dari aspek tarbiah adalah disebabkan tiga faktor. Pertama, tarbiah diperlukan dalam Pendidikan Islam yang berkait rapat dalam usaha membentuk keperibadian seseorang Muslim (Mohammad Muslih, 2016); kedua, ungkapan tarbiah juga berasal daripada bahasa Latin iaitu *educare* dan *education* yang bermaksud pendidikan iaitu tarbiah memberi erti pembinaan intelektual dalam diri manusia (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1992); dan ketiga, penggunaan perkataan *Rabb* (tarbiah) di dalam al-Quran sebanyak 224 kali dalam pelbagai bentuk dan

Dalam Pendidikan Islam pula, terdapat beberapa kajian berkaitan dengan penggunaan tarbiah berkaitannya. Kajian-kajian tersebut membincangkan mengenai konsep, tujuan, fungsi, kepentingan, strategi, langkah dan kesan kaedah tarbiah dalam Pendidikan Islam. Namun begitu, kajian-kajian ini tidak memberi tumpuan khusus dalam PdPc Pendidikan Islam bahkan hanya sebagai konsep dan dasar dalam Pendidikan Islam sahaja (Ahmad Syah, 2008; Maria Ulfah, 2015; Asnita Hasibuan, Ilham Fauji W. Simamora, Muhammad Edi Syahputra dan Rina Wahyuni, 2017; Abdul al-Fattah Abu Ghuddah, 2011 dan Mohammad Muslih, 2016).

Tambahan lagi, jika kajian yang menumpukan sintesis kaedah dakwah dan tarbiah dalam PdPc Pendidikan Islam Sekolah Menengah dirujuk kepada karangan Syeikh Abdul Fattah Abu Ghuddah iaitu kitab *al-Rasul al-Mu'allim wa Asalibuhu fi al-Ta'lim*, maka lagi pastilah masih belum ada yang mengkajinya. Maka dalam kajian ini sangat signifikan untuk melakukan kajian mengenai kaedah sintesis dakwah dan tarbiah dalam PdPc Pendidikan Islam Sekolah Menengah berasaskan karangan Syeikh Abdul Fattah Abu Ghuddah iaitu kitab *al-Rasul al-Mu'allim wa Asalibuhu fi al-Ta'lim*².

Bagi aspek yang lain pula, penjelasan yang dikemukakan mengenai kekurangan kajian pendidikan yang menghubungkan antara dakwah dan tarbiah juga memberi

kata (Abdul Rahman Abdullah, 2001). Perkataan tarbiah merupakan *masdar* daripada *Rabb* yang bererti mengasuh dan mendidik (Abdul Fattah Jalal, 1988). Terdapat beberapa ayat al-Quran yang merakamkan perkataan tarbiah iaitu di dalam Surah al-Isra' ayat 24 dan Surah as-Syu'ara' ayat 28 yang mambawa maksud rahmah iaitu kasih sayang Allah SWT kepada hamba-Nya (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1992).

² Karya ini dipilih kerana ia membincangkan alternatif, metod dan strategi pembelajaran yang diperlakukan Rasulullah SAW dalam pelbagai situasi dan dalam keadaan yang berbeza yang tidak terdapat dalam karya lain sepertinya (Nur Hasan, 2008; Lara Fajrianti, 2018; Eka Prasetya, 2017).

kesan kepada ketidakseimbangan antara dakwah dan tarbiah dalam penyampaian PdPc. Hal ini kerana kefahaman mereka terhadap konsep dan dari segi pelaksanaan dakwah dan tarbiah adalah berbeza. Timbul persoalan antara kaedah dakwah dan kaedah tarbiah, kaedah manakah yang perlu didahulukan untuk membentuk murid? Kaedah manakah yang lebih sesuai untuk pembangunan sahsiah murid? Atau pun adakah kedua-dua kaedah ini sesuai? Jadi, bagaimana pula ingin menggunakan kedua-dua kaedah ini dalam satu masa?

Permasalahan ini timbul kemungkinan kerana pada kebiasaannya apabila disebut dakwah maka terpamer proses memahamkan Islam untuk *muallaf* (Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Johaibi Johan, Abu Dardaa Mohamad dan Anuar Puteh, 2014 dan Abdul Ghafar Don dan Ahmad Irdha Mokhtar, 2017). Apabila disebut tarbiah, maka terpamer proses pelatihan untuk memberi pengukuhan kefahaman Islam dengan pelbagai metod sama ada secara tekanan atau pun secara lembut kepada Muslim baka sahaja (M. Alfan Santoso, 2016). Persoalannya, adakah dakwah hanya kepada murid *non-Muslim* atau *Muallaf* dan tarbiah hanya kepada murid Muslim baka sahaja? Benarkah kenyataannya begini?

Jika merujuk kepada Kamus Dewan Edisi Kedua (2015), Yusuf Al-Qaradhawi (1992), Abdul Karim Zaidan (1976), Abdullah Nasih Ulwan (2015) dan Muhammad al-Ghazali (1998), kesemua aspek dakwah dan tarbiah ini memberi maksud yang berbeza. Dakwah adalah proses mengajak manusia yang jahil ke arah kebenaran tidak kira Muslim atau *non-Muslim*, manakala tarbiah pula adalah proses pengislahan dan perlatihan supaya menjadi lebih baik.

Akhirnya, daripada perbincangan-perbincangan yang dilakukan sebelum ini mendapati bahawa isu-isu asas yang boleh dirumuskan sebagai menjustifikasi kajian ini yang bertajuk Kaedah Sintesis Dakwah dan Tarbiah dalam PdPc Pendidikan Islam Sekolah Menengah berdasarkan kitab *al-Rasul al-Mu'allim wa Asalibuhu fi al-Ta'lim* dilakukan adalah merujuk kepada tiga isu. Pertama, penggunaan pendekatan PdPc Pendidikan Islam masih secara tradisional; kedua, belum dijumpai mana-mana kajian secara khusus mengenai PdPc berdasarkan sintesis dakwah dan tarbiah dalam Pendidikan Islam berdasarkan kitab *al-Rasul al-Mu'allim wa Asalibuhu fi al-Ta'lim*; dan ketiga, kekeliruan guru-guru antara PdPc dakwah dan PdPc tarbiah.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Daripada pernyataan masalah yang dikemukakan, dapat ditemukan tiga objektif bagi kajian ini. Objektif-objektif ini adalah seperti berikut:

- i. Mengenal pasti kaedah sintesis dakwah dan tarbiah dalam PdPc Pendidikan Islam Sekolah Menengah.
- ii. Menganalisis kaedah sintesis dakwah dan tarbiah dalam PdPc Pendidikan Islam Sekolah Menengah berdasarkan Kitab *al-Rasul al-Mu'allim wa Asalibuhu fi al-Ta'lim*.
- iii. Merumuskan konsep PdPc Pendidikan Islam Sekolah Menengah berdasarkan kaedah sintesis dakwah dan tarbiah daripada Kitab *al-Rasul al-Mu'allim wa Asalibuhu fi al-Ta'lim*.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

Berasaskan objektif-objektif kajian sebelum ini, ditemukan tiga persoalan kajian yang harus dijawab bagi mencapai objektif-objektif kajian ini. Persoalan-persoalan kajian tersebut adalah seperti berikut:

- i. Apakah kaedah dakwah dan tarbiah yang boleh disintesiskan dalam PdPc Pendidikan Islam Sekolah Menengah?
- ii. Bagaimanakah kaedah PdPc berasaskan sintesis dakwah dan tarbiah boleh diambil dalam Kitab *al-Rasul al-Mu'allim wa Asalibuhu fi al-Ta'lim* untuk diperaktikkan dalam PdPc Pendidikan Islam Sekolah Menengah?
- iii. Apakah konsep PdPc Pendidikan Islam Sekolah Menengah yang berasaskan kaedah sintesis dakwah dan tarbiah yang dirangka berdasarkan Kitab *al-Rasul al-Mu'allim wa Asalibuhu fi al-Ta'lim*?

Kesemua objektif dan persoalan kajian yang telah dinyatakan dapat digambarkan dengan lebih jelas dalam Jadual 1.2 seperti berikut:

Jadual 1.2: Ringkasan Objektif dan Persoalan Kajian

Objektif Kajian	Persoalan Kajian
1. Mengenal pasti kaedah sintesis dakwah dan tarbiah dalam PdPc Pendidikan Islam Sekolah Menengah.	1. Apakah kaedah dakwah dan tarbiah yang boleh disintesiskan dalam PdPc Pendidikan Islam Sekolah Menengah?
2. Menganalisis kaedah sintesis dakwah dan tarbiah dalam PdPc Pendidikan Islam Sekolah Menengah berasaskan Kitab <i>al-Rasul al-Mu'allim wa Asalibuhu</i>	2. Bagaimanakah kaedah PdPc berasaskan sintesis dakwah dan tarbiah boleh diambil dalam Kitab <i>al-Rasul al-Mu'allim wa Asalibuhu fi al-Ta'lim</i> untuk

<p><i>fi al-Ta’lim.</i></p> <p>3. Merumuskan konsep PdPc Pendidikan Islam Sekolah Menengah berdasarkan kaedah sintesis dakwah dan tarbiah daripada Kitab <i>al-Rasul al-Mu’allim wa Asalibuhu fi al-Ta’lim</i>.</p>	<p>dipraktikkan dalam PdPc Pendidikan Islam Sekolah Menengah?</p> <p>3. Apakah konsep PdPc Pendidikan Islam Sekolah Menengah yang berdasarkan kaedah sintesis dakwah dan tarbiah yang dirangka berdasarkan Kitab <i>al-Rasul al-Mu’allim wa Asalibuhu fi al-Ta’lim</i>?</p>
---	---

1.6 DEFINISI OPERASIONAL

Bahagian ini membincangkan definisi operasional. Bahagian ini penting sebagai penjelasan maksud sebenar kata kunci utama yang digunakan dalam kajian ini. Kata kunci tersebut ialah pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc), sintesis, dakwah dan tarbiah. Huraian kepada kata-kata kunci tersebut adalah sebagaimana di bawah.

1.6.1 Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)

Pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) adalah satu istilah baru dalam bidang pendidikan yang menggantikan pengajaran dan pembelajaran (PdP). Istilah ini diperluaskan dalam bidang pendidikan rentetan dari PPPM (2013-2025) yang diperkenalkan oleh KPM. Pengajaran dan pemudahcaraan merupakan satu konsep yang tidak dapat dipisahkan. Ia saling berkait rapat antara satu sama lain. Hal ini demikian kerana, tugas guru Abad 21 ini bukan sahaja mengajar, tetapi menjadi pemudahcara untuk murid dalam memastikan objektif yang diajar tercapai. Menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua (2015), pengajaran memberi erti dalam dua makna iaitu

pertama; segala yang berkaitan dengan mengajar atau mengajarkannya. Contohnya pengajaran Sains dan Matematik sekarang ini berbeza dengan pengajaran pada zaman dahulu, kedua; sesuatu yang boleh dijadikan pedoman dan peringatan. Contohnya sesuatu peristiwa yang berlaku boleh menjadi pengajaran buat kita. Ragbir Kaur (2005) mendefinisikan pengajaran sebagai satu proses yang telah disusun oleh guru dan membawa kepada perubahan sahsiah serta tingkah laku kepada seseorang murid. Mok Soon Sang (2000) pula membahagikan pengajaran kepada tiga perkara di samping menyampaikan ilmu pengetahuan iaitu memberi motivasi kepada murid, membentuk disiplin murid serta mencipta aktiviti-aktiviti yang boleh menarik minat murid dalam PdPc. Daripada penjelasan maksud pengajaran di atas, pengkaji dapat mendefinisikan pengajaran sebagai suatu ilmu baharu yang disampaikan seorang insan (guru) kepada orang lain (murid) dengan menggunakan beberapa kaedah dan teknik.

Bagi maksud pemudahcaraan pula, pengkaji melihat tiada istilah yang digunakan dalam kamus sebagai pemudahcaraan tetapi istilah yang digunakan ialah pemudahcara. Pemudahcara pula bermaksud seseorang telah memudahkan sesuatu perkara atau tindakan (dalam konteks pemindahan ilmu) (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Pemudahcara adalah asal dari kata terbitan bermudah-mudah, memudahkan, mempermudah, kemudahan dan pemudah. Dalam konteks pendidikan, KPM telah menggariskan dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMG²) Standard 4 Pembelajaran dan Pemudahcaraan, aspek guru sebagai pemudahcaraan dalam PdPc ialah guru sebagai perancang, pengawal, pembimbing, pendorong dan penilai dalam memperkembangkan potensi murid ke arah yang lebih luas. Ini bermakna pendekatan PdPc Abad 21 ialah berpusatkan murid dimana murid

perlu meneroka ilmu dengan lebih luas atau dengan kata lain murid perlu mencari ilmu dengan sendirinya. Tetapi guru perlulah menjadi fasilitator dalam memudahkan proses PdPc di sekolah. Oleh yang demikian, pengkaji dapat merumuskan PdPc adalah satu kaedah baru yang lebih dinamik dan berkesan sesuai dengan isi kandungan mata pelajaran yang diolah mengikut perkembangan semasa. PdPc yang diperkenalkan ini lebih menjurus kepada penggunaan teknologi siber dan berpusatkan murid. Kemahiran berfikir atas tinggi (KBAT) perlu dijana pada guru dan murid agar objektif PdPc tercapai.

1.6.2 Sintesis

Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) telah mendefinisikan sintesis kepada tiga bahagian. Pertama, sintesis ialah proses menyatukan pelbagai unsur, bahagian dan bahan (seperti mana yang telah dinyatakan di bahagian pengenalan); kedua, suatu keseluruhan yang kompleks terdiri daripada prinsip yang khusus; ketiga, cara mencari prinsip yang umum daripada prinsip yang khusus. Sintesis dalam kajian merujuk kepada gabungan pelaksanaan antara kaedah dakwah dan tarbiah dalam PdPc Pendidikan Islam. Kedua kaedah ini mesti digabungkan untuk mewujudkan satu proses PdPc yang berdasarkan kepada mengajak (dakwah) dan mendidik murid (tarbiah).

1.6.3 Dakwah

Asal perkataan dakwah daripada Bahasa Arab iaitu (دعا - يدعو - دعوة). Penggunaan perkataan “*dakwah*” (دعا) di dalam al-Quran ialah sebanyak 212 kali

dalam pelbagai surah (Ahmad Amran Ahmad Rodi, t.t). Antara surah yang menyebutkan mengenai dakwah ialah Surah an-Nahl ayat 125 dan surah Ali Imran ayat 104. Dakwah dertikan dalam pelbagai pengertian iaitu mengajak, menyeru, rayuan, langkah dan doa. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), penjelasan dakwah dapat didefinisikan sebagai usaha menyeru dan membimbang dengan memberi keyakinan yang baik serta disusuli dengan usaha agar Islam dapat diamalkan dengan baik. Selain itu, dakwah ditakrifkan juga sebagai mematuhi ajaran agama Islam dengan baik dalam amalan manusia merujuk kepada tingkah laku, pergaulan, cara berpakaian dan sebagainya. Menurut Sulaiman Ibrahim dan Fariza Md Sham (2008) di dalam buku Metodologi Dakwah menerangkan bahawa dakwah ialah satu usaha yang dilakukan sejak dari zaman para rasul. Sasaran utamanya ialah semua umat manusia dengan bermatlamat untuk menerima, memahami dan melakukan ajaran yang dibawa oleh Allah SWT dan Rasul-Nya. Dalam konteks Pendidikan Islam, dakwah ialah berusaha mengajak murid ke arah yang positif dengan menggunakan kaedah-kaedah tertentu untuk mencapai objektif-objektif pembelajaran yang tertentu. Justeru, definisi ini yang akan digunakan dalam kajian ini.

1.6.4 Tarbiah

Tarbiah berasal daripada perkataan “*rabba*” yang bererti mendidik dan mengasuh. Tarbiah ialah suatu proses mendidik dan mengasuh secara berperingkat-peringkat dengan menggunakan tiga cara iaitu tangan (kuasa yang ada), mulut (lisan) dan hati (*qalbu*). Ia juga merujuk kepada proses menyerlahkan perkembangan individu kepada suatu keadaan yang lebih baik (Halsted, 2004). Perkataan tarbiah telah

disebutkan di dalam al-Quran sebanyak 244 kali merangkumi pelbagai bentuk seperti perkataan *ar-rabb*, *rabbani* dan *rabbaniyyah*. Tetapi perkataan tersebut mempunyai maksud yang sama iaitu mendidik dan mengasuh (Maria Ulfah, 2015). Manakala menurut Umum B. Karyanto (2011) menjelaskan tarbiah ini merangkumi perbuatan yang dilakukan manusia untuk mewujudkan kesempurnaan ibadah kepada Allah SWT. Ia juga membawa maksud cara pendidikan, pengasuhan dan penyampaian ilmu mengikut tahap dan fasa serta disertai dengan kekuatan spiritual sehingga membentuk kesempurnaan fitrah manusia menuju *mardhatillah*. Daripada sorotan maksud di atas, pengkaji dapat merumuskan definisi tarbiah dalam pendidikan ialah satu proses mendidik murid dengan menggunakan pelbagai kaedah secara bertahap untuk mencapai sesuatu objektif pembelajaran. Definisi ini yang digunakan dalam kajian ini.

1.7 SKOP KAJIAN DAN BATASAN KAJIAN

Skop kajian ini merangkumi kaedah sintesis dakwah dan tarbiah dalam PdPc Pendidikan Islam Sekolah Menengah berdasarkan Kitab *al-Rasul al-Mu'allim wa Asalibuhu fi al-Ta'lim*. Ia mengandungi tiga bahagian. Pertama, mengenal pasti kaedah sintesis dakwah dan tarbiah dalam PdPc Pendidikan Islam Sekolah Menengah. Kedua, menganalisis kaedah sintesis dakwah dan tarbiah dalam PdPc Pendidikan Islam Sekolah Menengah berdasarkan Kitab *al-Rasul al-Mu'allim wa Asalibuhu fi al-Ta'lim*. Ketiga, merumuskan konsep PdPc Pendidikan Islam Sekolah Menengah berdasarkan kaedah sintesis dakwah dan tarbiah daripada Kitab *al-Rasul al-Mu'allim wa Asalibuhu fi al-Ta'lim*.

Dari skop-skop tersebut, batasan-batasan kajian pula adalah seperti berikut:

- i. Batasan Subjek: Subjek kajian ini terbatas kepada kaedah sintesis dakwah dan tarbiah dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Pendidikan Islam sahaja. PdPc adalah sebagai salah satu kaedah yang terpenting dalam pendidikan. Tambahan pula, pada Abad 21 ini PdPc telah diubai suai mengikut peredaran zaman kini dengan kaedah-kaedah yang lebih sesuai. Maka, tumpuan diberikan kepada PdPc selaras dengan kehendak KPM supaya menjadikan PdPc ini selaras dengan perkembangan semasa.
- ii. Batasan Bidang: Terdapat tiga bidang yang dibataskan dalam kajian ini iaitu Pendidikan Islam, dakwah dan tarbiah. Tumpuan kepada bidang Pendidikan Islam kerana bidang ini adalah bidang utama yang digunakan di semua sekolah untuk pembentukan sahsiah murid beragama Islam. Hal ini dijelaskan dalam kajian Mohd Rosdi Mahamud (2009) yang menyatakan bahawa Pendidikan Islam merupakan subjek terpenting dalam membentuk sahsiah murid. Untuk dakwah dan tarbiah pula, kedua-dua bidang ini yang menjana pembentukan bidang Pendidikan Islam. Kedua-dua bidang ini juga menjadi tumpuan jika membincangkan masalah sosial murid.
- iii. Batasan Tahap Pendidikan: Kajian ini hanya membataskan tahap menengah rendah dan menengah atas di Sekolah Menengah sahaja. Sekolah menengah merujuk kepada murid tingkatan 1 hingga 5. Justifikasi pengkaji memilih sekolah menengah kerana lazimnya wujud pelbagai masalah ketika di peringkat ini disebabkan pelbagai faktor. Berdasarkan pengalaman pengkaji

selama hampir lapan tahun sebagai seorang GPI Sekolah Menengah, kebanyakan masalah timbul kerana sifat ingin tahu yang tinggi dalam kalangan remaja tentang sesuatu perkara dan sifat ingin mencuba di samping mahukan kebebasan dalam membuat keputusan. Maka, golongan remaja yang tiada panduan hidup akan mudah dipengaruhi oleh anasir negatif sama ada di sekolah maupun di rumah.

- iv. Batasan Objek: Kajian ini dibataskan objeknya kepada sebuah kitab yang bertajuk *al-Rasul al-Mu'allim wa Asalibuhu fi al-Ta'lim*. Kitab ini dikarang oleh seorang ulama hadis yang terkenal di Syria bernama Syeikh Abdul Fattah Abu Ghuddah. Pengkaji merujuk kepada kitab cetakan kelima iaitu tahun 2016 yang diterbitkan oleh Dar al-Basyair al-Islamiah. Tulisan dan hadis di dalam kitab tersebut pada awalnya merupakan bahan kuliah yang beliau sampaikan pada sesi kuliah umum di Fakulti Syari'ah dan Fakulti Bahasa Arab di Riyadh, Universiti Emirat Arab (1385-1386 H). Bagi mendapat pemahaman yang lebih jelas lagi di dalam Bahasa Melayu, pengkaji juga merujuk kepada terjemahan kitab ini berjudul 40 Strategi Pendidikan Rasulullah SAW terbitan tahun 2011 oleh Pelima Media Sdn. Bhd, Selangor Darul Ehsan. Nama penterjemah kitab ini ialah Sumedi dan R. Umi Baroroh. Justifikasi pengkaji memilih kitab ini disebabkan lima faktor. Pertama; kitab ini menawarkan pelbagai alternatif kaedah dan strategi pembelajaran yang dipraktikkan oleh Rasulullah SAW dalam pelbagai situasi dan keadaan. Kedua; kitab ini membawakan 137 hadis Rasulullah SAW sebagai rujukan lengkap beserta perawi maupun sanad yang terdekat dengan Baginda. Ketiga; ruang lingkup kaedah dan strategi

pendidikan yang komprehensif (sesuai untuk semua peringkat umur) sama ada lelaki atau perempuan. Keempat; kaedah dan strategi pendidikan Rasulullah SAW memberi kesan yang mendalam kepada sahabat yang berguru dengan Baginda. Kelima; hadis-hadis yang membahaskan mengenai kaedah dan strategi pendidikan Baginda ini mengandungi pelbagai prinsip dan memberi inspirasi kepada pembaca dalam mendepani kehidupan ini.

1.8 KEPENTINGAN KAJIAN

Terdapat tiga kepentingan kajian yang didapati menjadi keutamaan untuk kajian ini harus dilakukan. Ketiga-tiga kepentingan tersebut ialah kepentingan untuk masyarakat, sistem pendidikan dan negara. Bagi yang pertama iaitu kepentingan untuk masyarakat, kajian yang dilakukan ini dapat menyumbang hasil kajian mengenai kaedah pendidikan yang lebih jitu kepada masyarakat. Ilmu dalam kajian ini berkaitan penggabungan antara dakwah dan juga tarbiah yang boleh digunakan oleh masyarakat untuk mendidik masyarakat masing-masing.

Dalam konteks penyelidikan pula, kajian ini adalah agak berbeza dengan kajian-kajian yang dilakukan sebelum ini kerana ia mengemukakan satu kaedah baru iaitu gabungan kaedah dakwah dan tarbiah dalam PdPc Pendidikan Islam Sekolah Menengah. Tambahan pula, ia berasaskan Kitab *al-Rasul al-Mu'allim wa Asalibuhu fi al-Ta'lim*.

Oleh yang demikian, ia membawa kepada kepentingan kedua iaitu kepentingan untuk sistem pendidikan. Dalam sistem pendidikan sedia ada, berdasarkan pengamatan

pengkaji, setakat ini masih belum ada lagi perbincangan untuk mengemukakan satu kaedah baru yang menganalisiskan antara dakwah dengan tarbiah supaya kesemua elemen dakwah dan tarbiah dapat diintegrasikan dengan lebih baik dalam menjamin kualiti pembangunan sahsiah murid Sekolah Menengah yang lebih berkesan.

Bagi kepentingan ketiga pula iaitu kepentingan untuk negara, kajian ini penting bagi Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menyelaraskan semula PdPc sedia ada khususnya PdPc dalam bentuk keagamaan supaya semua murid dapat menerima penerapan kaedah baru yang lebih berkesan dengan menggunakan kaedah sintesis dakwah dan tarbiah. Bagi pengkaji, kaedah ini sesuai untuk diaplikasikan bukan sahaja dalam sektor pendidikan, malah ia juga boleh disesuaikan dengan sektor-sektor yang lain yang melibatkan antara dua pihak. Misalnya, majikan dan pekerja, pemimpin dan rakyat, serta ketua dan anak buah.

1.9 ORGANISASI DISERTASI

Susunan keseluruhan disertasi ini dibahagikan kepada enam bab. Bab yang pertama merupakan Bab Pendahuluan dalam kajian ini. Bab ini merangkumi latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, skop dan batasan kajian, definisi operasional, kepentingan kajian dan organisasi disertasi.

Bab kedua pula membincangkan kajian-kajian terdahulu dan tinjauan literatur berkaitan dengan topik kajian. Bab ini memfokuskan penelitian penulisan-penulisan ilmiah seperti tesis, disertasi, kertas kerja, jurnal, buku, majalah, ahkbar harian dalam

dan luar negara dan sebagainya yang bertujuan untuk mengesan lompong bagi kajian ini.

Bab ketiga menyentuh jenis kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini. Bab ini merangkumi perkara-perkara seperti reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisisan data. Kaedah penyelidikan ini penting untuk memastikan objektif dan persoalan kajian tercapai dan berjaya dilaksanakan.

Bab keempat pula menumpukan kaedah sintesis dakwah dan tarbiah dalam PdPc Pendidikan Islam untuk Sekolah Menengah. Konsep yang diwujudkan ini akan memberi panduan kepada GPI khususnya dalam PdPc agar setiap metod dan teknik yang digunakan mesti mempunyai unsur dakwah dan tarbiah supaya murid yang lahir hasil daripada konsep tersebut terdidik dengan nilai-nilai Islam. Oleh itu, bab ini juga akan menjawab persoalan kajian yang pertama. Untuk analisis dapatan kajian ini, ia ditumpukan kepada Kitab *al-Rasul al-Mu'allim wa Asalibuhu fi al-Ta'lim*. Akhirnya, suatu rumusan penjelasan konsep akan dilakukan.

Bab kelima seterusnya akan menganalisis kaedah pendidikan yang terdapat di dalam Kitab *al-Rasul al-Mu'allim wa Asalibuhu fi al-Ta'lim* dan menjawab persoalan kedua dan ketiga. Bab keenam pula merupakan bab penutup dan rumusan daripada keseluruhan perbincangan di dalam disertasi ini. Bab ini juga akan menyentuh tentang kesan hasil daripada penemuan kajian dan cadangan kajian untuk peringkat seterusnya.